

Newspaper	Berita Harian
Date	11 March 2016

Rakyat diminta waspada usaha jatuhkan Perdana Menteri

BH - 11/3/2016

Alor Gajah: Rakyat diminta berwaspada terhadap agenda pihak yang terbabit dengan deklarasi untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, terutama Tun Dr Mahathir Mohamad dan

**“
Saya rasa
mereka ini
mempunyai
satu
matlamat
sahaja iaitu
menjatuhkan
kerajaan dan
kita perlu
berwaspada
dengan
tindakan
mereka”**

Wee Ka Siong,
Timbalan Presiden
MCA

Penasihat DAP, Lim
Kit Siang.

Menteri di Jabatan
Perdana Menteri, Da-
tuk Dr Wee Ka Siong,
berkata pada masa la-
lu kedua-dua pemim-
pin itu dilihat berden-
dam antara satu sama
lain, namun kini se-
muanya dilupakan.

“Ini menyebabkan
rakyat semakin hai-
ran dan keliru dengan
percaturan politik ke-
dua-dua pemimpin
veteran itu.

**Perlu sentiasa
berwaspada**

“Saya rasa mereka ini
mempunyai satu mat-
lamat sahaja iaitu
menjatuhkan keraja-
an dan kita perlu ber-
waspada dengan tin-
dakan mereka,” kata-

nya selepas merasmikan ‘Melaka Machap
Baru Food and Cultural Night’ di Machap
Walk di sini, kelmarin.

Ka Siong yang juga Timbalan Presiden
MCA mengulas tindakan Kit Siang dan DAP
bekerjasama dengan Dr Mahathir untuk
menyingkirkan Perdana Menteri.

Beliau berkata, MCA berdiri teguh ber-
sama kepimpinan Perdana Menteri dan
semua pihak seharusnya bekerjasama
membangunkan ekonomi dan pendapatan
rakyat, selain tidak mengelirukan rakyat
dengan agenda politik masing-masing tan-
pa mengira fahaman politik.

“Presiden MCA (Datuk Seri Liow Tiong
Lai) sudah membuat pendirian ini dan
kami tetap menyokong Najib, malah se-
takat hari ini tiada mana-mana ahli MCA
terbabit dalam agenda itu,” katanya.